



TEKS UCAPAN

YBHG DATUK SERI DR. YUSOF BIN ISMAIL

KETUA PENGARAH MAMPU

BERSEMPENA

**PROGRAM SAMBUTAN HARI INTEGRITI MAMPU
TAHUN 2022**

**3 NOVEMBER 2022 | 9.00 PAGI
AUDITORIUM
KOMPLEKS SETIA PERDANA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih diucapkan kepada Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

- 1) Yang Berbahagia Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri;
- 2) Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3) Yang Berusaha Timbalan Ketua Pengarah MAMPU (Transformasi Pemodenan Pengurusan), Dr. Mohd Bakhari bin Ismail;
- 4) Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Bahagian; dan
- 5) Hadirin Hadirat yang dimuliakan Allah SWT sekalian.

YBhg. Tan Sri Dato' Sri, /YBhg. Dato'/ YBrs. Dr. dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Program Hari Integriti MAMPU tahun 2022. Saya dimaklumkan bahawa penganjuran Program Hari Integriti ini adalah julung-julung kali diadakan pasca Pandemik wabak COVID-19.

2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak MAMPU ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas kesudian untuk hadir sebagai tetamu kehormat dalam Program Hari Integriti MAMPU tahun 2022 ini. Terima kasih diucapkan atas segala komitmen dan kelapangan masa yang diperuntukkan.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Unit Integriti MAMPU selaku sekretariat utama Program Hari Integriti MAMPU tahun 2022 dan seluruh warga MAMPU atas sambutan yang memberangsangkan ini.

SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL

YBhg. Tan Sri Dato' Sri, /YBhg. Dato'/ YBrs. Dr. dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

4. Program Hari Integriti MAMPU tahun 2022 diadakan bersempena dengan sambutan Hari Integriti Nasional yang jatuh pada tanggal 5 November setiap tahun. Program sambutan ini diadakan dengan matlamat untuk membudayakan dan menerapkan integriti dalam kalangan Warga MAMPU. Objektif Program Hari Integriti MAMPU adalah untuk:

- i. Mendekati warga kerja organisasi, berinteraksi dan memberi penjelasan serta mendalami permasalahan isu rasuah, integriti dan

tadbir urus serta langkah pengukuhan dan pencegahannya secara bersemuka;

- ii. Meningkatkan kesedaran dan kepentingan amalan nilai murni dalam organisasi untuk perkhidmatan yang cemerlang dalam mengharungi norma baharu;
- iii. Memberi pendedahan dan melahirkan warga MAMPU yang lebih berintegriti melalui perkongsian pengalaman dan ilmu pengetahuan dari penceramah jemputan (pakar) dalam menterjemahkan aspirasi dan agenda utama Kerajaan; dan
- iv. Menjadikan MAMPU sebagai organisasi yang bertunjangkan nilai murni, etika dan berintegriti sebagaimana elemen ini boleh digunakan dalam meningkatkan kualiti dalam setiap individu serta organisasi.

PERANAN MAMPU DALAM MENINGKATKAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN AWAM

YBhg. Tan Sri Dato' Sri, /YBhg. Dato'/ YBrs. Dr. dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

5. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) yang ke-18 pada 30 Ogos 2022 telah menekankan agar penjawat awam mempunyai kemahiran dalam menjangka masa hadapan. Dalam hubungan ini, penjawat awam juga disarankan untuk mengaplikasikan aspek pendigitalan, data analitik dan *Internet of Things* agar perkhidmatan Kerajaan dapat disampaikan

kepada rakyat dengan lebih cepat, mudah dan ringkas. Penjawat awam juga disaran agar mengikis mentaliti 'tahu segalanya' dan mentaliti 'silo' dalam melaksanakan serta memperbanyakkan libat urus bersama dengan masyarakat dalam pembangunan negara.

6. Pada majlis yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan pandangan bahawa Inisiatif Projek Meningkatkan Norma Baharu Penyampaian Perkhidmatan Awam (NBPPA) berupaya mempercepat dan mempermudah Keluarga Malaysia serta komuniti perniagaan berurusan dengan agensi Kerajaan secara digital. Dalam hal ini, beliau menyarankan agar perkhidmatan *End-to-End* (E2E) Kerajaan mencapai 100 peratus menjelang tahun 2025 berbanding sasaran asal 80 peratus. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyarankan agar satu piawaian pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang seragam dapat diwujudkan dan dilaksanakan merentasi pelbagai kementerian dan agensi.

7. MAMPU selaku agensi peneraju dalam aspek pemodenan tadbiran dan pendigitalan sektor awam menyambut baik saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut. Saranan yang dikemukakan amat bertepatan dengan peranan dan usaha yang MAMPU sedang laksanakan. Ia secara tak langsung akan menyumbang kepada pengukuhan integriti di kalangan penjawat awam khususnya dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

YBhg. Tan Sri Dato' Sri, /YBhg. Dato'/ YBrs. Dr. dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

8. Menerusi agenda pemodenan perkhidmatan awam yang sedang giat dilaksanakan, ia dapat memperbaiki Sistem dan Prosedur Kerja dalam penyampaian perkhidmatan Sektor Awam. Dalam hubungan ini, sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap yang efektif yang sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa adalah penting. Ini kerana, sistem dan prosedur kerja kementerian, jabatan dan agensi yang lapuk dan terlalu rumit sehingga menimbulkan pelbagai kerenah birokrasi, melemahkan pentadbiran, ketidakadilan akan membuka peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

9. Ruang penambahbaikan yang berterusan yang diterajui oleh MAMPU ini diharapkan dapat menyumbang ke arah perkhidmatan awam yang cekap dan efisien. Hasil daripada itu, ruang untuk ketidakadilan, perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat dibendung, sekali gus memantapkan nilai integriti di kalangan penjawat awam.

PEMBUDAYAAN INTEGRITI DALAM KALANGAN WARGA MAMPU

YBhg. Tan Sri Dato' Sri, /YBhg. Dato'/ YBrs. Dr. dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

10. Sektor awam kini berhadapan dengan rakyat daripada generasi baharu yang mempunyai perbezaan persepsi dan idealisme. Tuntutan rakyat dan pelanggan supaya perkhidmatan awam menjadi lebih responsif, telus serta menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai

(*touchpoint*) menuntut perkhidmatan awam melihat semula etos dan budaya yang dipegangnya selama ini. Penegasan semula perlu diberikan kepada pembudayaan aspek tadbir urus yang baik berasaskan ketelusan, integriti dan keperibadian yang unggul tanpa tolak ansur kepada rasuah, penyelewengan serta standard perkhidmatan yang tidak dipertikaikan oleh rakyat dan pelanggan.

11. Suka saya untuk memetik kata-kata tersohor dari Warren Buffet, Ketua Pegawai Eksekutif, Berkshire Hathaway, Amerika Syarikat; *In looking for people to hire, you look for three qualities: integrity, intelligence and energy. And if they don't have the first, the other two will kill you* (Bagley, 2008).

12. Justeru, MAMPU sentiasa berusaha meningkatkan nilai-nilai integriti di kalangan warganya. Contohnya baru-baru ini, MAMPU telah menganjurkan Kursus Pengenalan Dan Kesedaran Mengenai *Anti Bribery Management System* (ABMS)ISO 37001:2016. Kursus ini dianjurkan selaras dengan Inisiatif 2.1.3 Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 iaitu untuk Memperkenalkan pensijilan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001 di semua agensi Kerajaan. ABMS perlu dibangunkan di MAMPU sebagai satu sistem kawalan dalaman bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan.

13. Selain itu juga, Unit Integriti giat menjalankan aktiviti pembudayaan Integriti di kalangan Warga MAMPU. Antara program program yang telah dijalankan adalah seperti:

- i. Program Kembara Rohani: Bacaan Yasin dan Tazkirah;
- ii. Penganjuran Hari Integriti;
- iii. Penganjuran Kursus Tatatertib;
- iv. Penganjuran Lawatan Integriti melibatkan Warga MAMPU;
- v. Bengkel Integriti dan Pemantapan Nilai Murni Warga MAMPU;
- vi. Bengkel Pengurusan Kredit bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit; serta
- vii. Hebahan-hebahan Integriti.

PELANCARAN PELAN ANTI RASUAH MAMPU 2022-2026

YBhg. Tan Sri Dato' Sri, /YBhg. Dato'/ YBr. Dr. dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

14. Sesungguhnya Kerajaan amat komited untuk memastikan sistem pentadbiran Negara dapat bergerak dengan berkesan dan bebas daripada ancaman rasuah. Berteraskan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan agenda pencegahan rasuah hendaklah didukung oleh semua jentera pentadbiran Kerajaan dalam usaha memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

15. Dalam hubungan ini, sukacita saya maklumkan bahawa MAMPU telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) iaitu Pelan Antirasuah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) 2022-2026 sebagai usaha menyahut seruan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

16. Memetik kata-kata YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah Siri 16 Bilangan 2, Tahun 2022. YAB Perdana Menteri menyatakan bahawa “OACP yang dihasilkan bukanlah sekadar memenuhi keperluan di atas kertas sahaja, atau kerana ianya adalah inisiatif yang digariskan dalam NACP. Dokumen OACP hendaklah dijadikan panduan penting dan mekanisma pencegahan untuk mengemudi organisasi ke arah mencapai sebuah negara yang bebas rasuah”.

17. Pembangunan Pelan Antirasuah MAMPU 2022-2026 ini bertujuan menangani permasalahan yang berlaku dalam organisasi dengan menekankan tiga indikator risiko utama iaitu tadbir urus, integriti dan rasuah. Pelan Antirasuah MAMPU 2022-2026 yang komprehensif dibangunkan selaras dengan: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Merujuk kepada Peraturan 6.1.3 NACP iaitu setiap Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri hendaklah membangunkan OACP pada peringkat organisasi masing-masing. Di bawah inisiatif 2.1.5 NACP 2019-2023 juga telah mewajibkan pelaksanaan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dilaksanakan oleh sektor awam.

18. Untuk itu, MAMPU telah mendapatkan khidmat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) untuk membangunkan Pelan Antirasuah MAMPU 2022-2026. Beberapa siri bengkel melibatkan Ahli Jawatankuasa Pelan Antirasuah MAMPU serta wakil dari setiap bahagian di MAMPU telah diadakan bagi menyelaraskan pembangunan Pelan Antirasuah MAMPU. Bengkel-bengkel ini telah mengenal pasti ruang serta risiko rasuah, tadbir urus dan integriti di MAMPU. Selain itu, pembangunan Pelan Antirasuah MAMPU 2022-

2026 juga diharapkan dapat membantu merangka strategi dan pelan tindakan bagi menangani risiko rasuah, tadbir urus dan integriti ini.

19. Bertemakan Warga MAMPU, Warga Berintegriti, Pelan ini menggariskan 34 inisiatif yang dirangkumkan dalam empat (4) strategi utama iaitu:

- i. Strategi 1 – Memupuk Tadbir Urus Yang Baik di MAMPU;
- ii. Strategi 2 – Memantapkan Keberkesanan Pengurusan Kewangan dan Ketelusan Perolehan Awam;
- iii. Strategi 3 – Meningkatkan Kompetensi Pegawai dan Ketelusan Pentadbiran; dan
- iv. Strategi 4 – Memperkukuh Kecekapan Pengurusan Operasi di MAMPU.

20. Daripada 34 inisiatif yang dikenal pasti, 11 inisiatif ialah inisiatif jangka pendek yang akan dilaksanakan dalam tempoh 24 bulan manakala 23 inisiatif ialah inisiatif jangka panjang yang akan dilaksanakan dalam tempoh 25 bulan hingga 60 bulan.

21. Justeru, besar harapan saya agar dengan pelancaran buku Pelan Antirasuah MAMPU 2022-2026 ini dapat menjadikan MAMPU sebagai penggerak dan peneraju kepada pemodenan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Diharapkan agar penghasilan Pelan Antirasuah MAMPU 2022-2026 ini dapat dijadikan sebagai tunjang dan panduan kepada setiap warga MAMPU untuk meningkatkan kesedaran, memberi keutamaan kepada setiap elemen yang telah digariskan melalui Pelan

Antirasuah MAMPU 2022-2026 ini dalam memantapkan penandaarasan serta penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah di MAMPU.

Dengan hasrat tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, melancarkan buku Pelan Antirasuah MAMPU 2022-2026.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.